

10 JUN 2002

Mahathir-MAG/I

WARGA M'SIA DI GENEVA TIDAK SABAR UNTUK BERTEMU DR MAHATHIR

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 10 Jun (Bernama) -- Persatuan Malaysia di Geneva (MAG) yang dibentuk baru-baru ini untuk mewakili warga Malaysia yang berada di Switzerland dan Perancis serta wilayah-wilayah sekitarnya, tidak sabar menunggu bagi aktiviti ulung persatuan itu -- pertemuan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok.

Presiden MAG, Kenneth Khaw berkata ini satu penghormatan besar "yang berlaku begitu awal" bagi persatuan kami iaitu Perdana Menteri datang untuk beramah mesra dengan anggota-anggota kami.

Perdana Menteri berada dalam rangka lawatan dua hari ke Switzerland bermula hari ini.

Dalam satu temubual bersama Bernama di sini, Khaw yang diiringi oleh dua naib presiden MAG iaitu Adeline Loo dan Balan Rengasamy serta setiausaha agung Rozalina Zakaria berkata, persatuan itu dibentuk pada 12 Mei 2002 dengan objektif mempromosi imej serta reputasi baik Malaysia melalui aktiviti budaya, pendidikan, sosial dan ekonomi.

MAG juga akan membantu warga Malaysia yang baru tiba dalam kawasannya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru mereka dan juga untuk menyampaikan kepada warga Malaysia, maklumat-maklumat yang menarik minat mereka.

Buat masa ini, ia mempunyai lebih kurang 70 anggota daripada pelbagai latar belakang membayangkan misi antarabangsa dan aktiviti ekonomi di Geneva. Ia juga mempunyai tiga "rakan" bukan rakyat Malaysia.

Selain daripada empat orang tadi anggota jawatankuasa lain MAG ialah penolong Setiausaha Agung Shookpui Lee, bendahari Amy Chan serta anggota jawatankuasa Ronnie Hiew, Ibrahim Shafii, Jackdeep Singh dan Ramesh Furrh Singh.

Khaw ialah bekas pegawai kanan Suruhanjaya Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD) selepas berkhidmat dengannya untuk lebih 25 tahun. Kini beliau menetap di Geneva.

Loo pula yang bertugas dengan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) berasal dari Petaling Jaya dan berada di negara itu sejak 13 tahun lepas sementara Balan, yang datang ke sini 20 tahun lepas, ialah seorang perunding kewangan di sebuah firma swasta. Rozalina, dari Kuching, Sarawak, bekerja di sebuah bank swasta di sini.

"MAG sudah pasti akan berkembang daripada segi keanggotaannya semasa ia mengembangkan aktiviti dan menampilkan kehadirannya," kata Khaw.

Persatuan itu menetapkan sasaran untuk menarik penyertaan kesemua 200 warga Malaysia di Geneva dan kawasan sekitarnya.

Khaw mengucapkan terima kasih kepada para pegawai misi Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini, khasnya Wakil Tetap Datin Paduka Rajmah Hussain, kerana galakkan beliau dalam menubuhkan MAG.

MAG telah mengatur pelbagai program sepanjang tahun termasuk jamuan satay akhir bulan ini, pertemuan semasa Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas, selain daripada aktiviti seperti luncur salji dan pertunjukan kebudayaan. Ia juga akan adakan pertemuan bersama persatuan-persatuan lebih kurang sama dari Indonesia.

Persatuan itu juga sedang berusaha memperkenalkan laman webnya sendiri. Ia kini menganjurkan pertandingan mencipta logo.

Khaw berkata melalui aktivitinya, MAG juga akan membantu dalam mempromosi pelancongan di Malaysia dengan meningkatkan jaringan.

"Tetapi secara asasnya, kami mahu menjadikan MAG sebagai persatuan yang

berguna dan menguntungkan bagi anggota-anggota kami," katanya.

-- BERNAMA

MAI PR